

Tun M tidak tahu status penamatan kontrak CCCC

BH-25/11/2019 m/d: 5

➔ Perdana Menteri jelaskan pampasan akan diberi jika batal kontrak

Oleh Azura Abas, Mohd Husni Mohd Noor, Irwan Shafrizan Ismail dan Hashini Kavishtri Kannan
cnews@bh.com.my

↳ Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak tahu sama ada kontrak kepada China Communication Construction Company Ltd (CCCC) bagi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), sudah ditamatkan atau tidak.

Perdana Menteri berkata, beliau baru pulang dari lawatan kerja di luar negara dan tidak

mengetahui mengenainya.

“Saya tidak tahu dah tamat (kontrak) atau tidak. Tapi salah satu cara kita menangani masalah ini dengan menamatkan kontrak, tetapi apabila kita tamatkan kontrak kita kena bayar pampasan.

“Kita akan bincangkan perkara ini,” katanya selepas melancarkan Skim Perlindungan Nasional B40 mySalam di Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Media baru-baru ini melaporkan Malaysia dalam fasa mencari kontraktor baharu bagi menerajui projek ECRL, selepas menamatkan penganugerahan kontrak kepada CCCC.

Langkah kurang kos

Media memetik sumber sebagai berkata, kerajaan merangka usaha supaya kos pembinaan projek rel mega bagi menjana manfaat penduduk Pantai Timur itu dikurangkan kepada separuh berbanding nilai awal, iaitu daripada RM81 bilion.

“Keputusan penamatan kontrak itu diambil susulan kegagalan CCCC mempertimbangkan permintaan kerajaan seperti penggunaan produk dan perkhidmatan tempatan, dalam pelbagai fasa pembinaan projek berkenaan,” katanya seperti dilaporkan portal berita berpangkalan di Singapura, *Straits Times*, Selasa lalu.

CCCC menerusi kenyataan media pada 4 Julai lalu menjelaskan, semua kerja membatik ECRL dengan jajaran sepanjang 688.3 kilometer (km) digantung berkuat kuasa serta-merta.

Firma berpangkalan di China selaku kontraktor utama projek mega itu mengesahkan menerima notis untuk menggantung semua kerja projek ECRL daripada pemilik syarikat berkenaan, Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL).

Arahan penggantungan dikeluarkan MRL itu susulan kenyataan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, bahawa kos se-

benar projek ECRL menjangkau RM81 bilion, berbanding RM66 bilion seperti dilaporkan sebelum ini, sekali gus ia perlu dikurangkan secara signifikan supaya berdaya maju dari segi kewangan.

Kekangan kewangan

Dr Mahathir pada 22 Oktober tahun lalu dilaporkan berkata, keputusan kerajaan membatalkan beberapa projek mega disebabkan kekangan kewangan yang dihadapi kerajaan, selain dapat menjimatkan kos menjangkau RM300 bilion.

Beliau berkata, antara projek yang dibatalkan membatik ECRL, Saluran Paip Gas Trans Sabah (TSGP) dan Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR).

“Kita bukan suka-suka batal (projek mega). Macam-macam perkara yang kita tak mampu bayar tetapi dilakukan juga, itu masalahnya dan ia menelan kos sebanyak RM300 bilion,” kata Dr Mahathir ketika itu.